

Submission date: 18 Dec 2020 Received in revised form: 21 Feb 2021 Acceptance date: 17 Feb 2023 Available online: 14 Apr 2023

COVID-19: MENGAHAL KAWASAN PERAIRAN DAN WILAYAH PERBATASAN NEGARA DARIPADA PENCEROBOHAN PENDATANG ASING TANPA IZIN

COVID-19: SAFEGUARDING MALAYSIAN WATERS AND ITS FRONTIERS FROM ENCROACHMENTS OF ILLEGAL MIGRANTS

^{i,*} Mohd Hazmi Mohd Rusli, ⁱ Amalina Ahmad Tajudin, ⁱ Fareed Mohd Hassan, ⁱⁱ Chaiwat Meesanthan, &
ⁱⁱⁱ Roman Dremluiga

ⁱ Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱ Centre for South Asian Studies, Institute of East Asian Studies, Thammasat University, Thailand

ⁱⁱⁱ School of Law, Far Eastern Federal University, Vladivostok, The Russian Federation, Russia

*(Corresponding author) e-mail: [fazmi@usim.edu.my](mailto:hazmi@usim.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol11no1.275>

ABSTRACT

Malaysia is a coastal country that borders the Straits of Malacca and Singapore, along with Indonesia and Singapore. Before Western colonization, there was no fixed maritime boundary across the Straits of Malacca and Singapore. The 1824 English-Dutch Treaty divided the Straits of Malacca and Singapore into two spheres of influence, which later became territories of Indonesia, Malaysia, and Singapore. To the east, through the 1878 and 1903 treaties, Sabah, which originally belonged to the Sultanate of Sulu, became a British colony and eventually gained independence within Malaysia in 1963. As a sovereign country, Malaysia has signed several agreements with its neighbouring countries to establish its territorial and maritime borders. However, there are some segments of Malaysia's maritime areas whose maritime boundaries have not been clearly defined. This deficiency can make it difficult to establish jurisdiction in Malaysia's maritime areas. With the spread of the COVID-19 pandemic, it has become increasingly important to establish these maritime boundaries to curb the illegal entry of foreigners into Malaysia and to enforce more stringent measures. This article concludes that Malaysia must continue to work closely with its neighbours to resolve maritime border issues conclusively. The study highlights the importance of promoting peaceful resolution of maritime border disputes, enhancing international security, and advancing knowledge on maritime border issues, which can benefit the international community.

Keywords: *Sovereignty, Maritime Borders, Maritime Borders, COVID-19, Enforcement, International Law*

How to cite (APA 6th Style):

Mohd Rusli, M. H., Ahmad Tajudin, A., Mohd Hassan, F., Meesanthan, C., & Dremluiga, R. (2023). COVID-19: Mengawal kawasan perairan dan wilayah perbatasan negara daripada pencerobohan pendatang asing tanpa izin: COVID-19: Safeguarding malaysian waters and its frontiers from encroachments of illegal migrants. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 11(1), 49-63. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol11no1.275>

ABSTRAK

Malaysia merupakan negara pesisir bagi Selat Melaka dan Singapura selain Indonesia dan Singapura. Sebelum zaman penjajahan Barat, sempadan maritim yang tetap tidak wujud merentasi Selat Melaka dan Singapura. Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 telah membahagikan Selat Melaka dan Singapura kepada dua pengaruh, yang kemudiannya menjadi wilayah-wilayah bagi negara-negara Indonesia, Malaysia dan Singapura. Di sebelah timur pula, menerusi Perjanjian 1878 dan Perjanjian 1903, Sabah yang asalnya milik Kesultanan Sulu telah menjadi jajahan British dan akhirnya merdeka dalam Malaysia pada tahun 1963. Sebagai sebuah negara berdaulat, Malaysia telah menandatangani beberapa perjanjian dengan negara-negara jirannya dalam menetapkan sempadan wilayah dan maritimnya. Namun, terdapat beberapa segmen kawasan maritim milik Malaysia yang sempadan maritimnya belum ditetapkan dengan jelas. Kekurangan ini boleh menimbulkan kesulitan dalam menetapkan bidang kuasa dalam kawasan maritim milik Malaysia. Dengan penularan wabak COVID-19, bertambah pentinglah batas maritim ini ditetapkan bagi mengekang kemasukan secara haram pendatang asing ke Malaysia selain menjalankan penguatkuasaan yang lebih tegas. Artikel ini membuat kesimpulan bahawa Malaysia harus terus bekerja lebih rapat dengan tetangga-tetangganya agar masalah perbatasan maritim dapat diselesaikan dengan tuntas.

Kata Kunci: Kedaulatan, Perbatasan Maritim, Perbatasan Maritim, COVID-19, Penguatkuasaan, Undang-undang antarabangsa

Pendahuluan

Wabak COVID-19 yang bermula di Kota Wuhan, China pada November 2019 kini telah tersebar ke ratusan negara di pelbagai benua (Wu et al., 2020). Malaysia tidak terkecuali terjerumus ke dalam bencana yang sedang menggegarkan dunia ini (Zoey, 2020). Kerajaan Malaysia telah mula menutup sempadan negara apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diisytiharkan pada 18 Mac 2020 (Alyasa, 2020). Sejak itu, penguatkuasaan di pintu-pintu sempadan dan kawasan perbatasan telah diperketatkan (M. I. Ibrahim & Adnan, 2020).

Oleh kerana Malaysia bertetangga secara langsung menerusi perbatasan darat dan maritim dengan negara-negara berisiko tinggi seperti Indonesia dan Filipina, adalah penting untuk Malaysia mengawal keutuhan wilayahnya dari dicerobohi terutama oleh pendatang asing tanpa izin (PATI) yang berpotensi menyebarkan virus berbahaya ini ke dalam negara (Sinatra, 2020).

Malaysia memiliki wilayah luas merentang dari Perlis hingga ke Sabah dengan kawasan maritim yang lebar membentang. Perairan Malaysia melingkungi Selat Melaka dan Singapura, Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi. Bagi tujuan penulisan ini, fokus akan diberikan kepada masalah perbatasan di Selat Melaka dan Singapura serta pantai timur Sabah.

Walaupun sempadan darat negara telah ditetapkan menerusi pelbagai perjanjian antarabangsa yang ditandatangani sebelum dan selepas kemerdekaan, tidak semua kawasan perbatasan maritim negara telah disepakati bersama dan dimuktamadkan.

Tuntutan Maritim


Artikel 3 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Berkenaan Undang-undang Laut Antarabangsa 1982 (LOSC) menetapkan bahawa negara pesisir boleh menuntut sehingga 12 batu nautika (lebih kurang 22 kilometer) kawasan wilayah laut dari garis dasar negara pesisir. Negara pesisir memiliki kedaulatan ke atas wilayah lautnya yang terdiri daripada dasar laut, kawasan perairan dan ruang angkasa dalam zon 12 batu nautika tersebut.

Selain itu, negara pesisir adalah negara yang dibenarkan untuk mengambil kawalan ke atas kawasan perairannya yang melangkaui 12 batu nautika sehingga 24 batu nautika, zon yang dikenali sebagai 'zon berdampingan' bagi tujuan mencegah aktiviti-aktiviti haram seperti pencerobohan dan penyeludupan PATI. Peruntukan ini dijelaskan dalam Artikel 33 LOSC.


Melangkaui zon 12 batu nautika sehingga ke 200 batu nautika (lebih kurang 370km), negara pesisir boleh menuntut hak kedaulatan di kawasan yang ditetapkan sebagai zon ekonomi eksklusif (EEZ). EEZ merujuk kepada kawasan perairan yang mana negara pesisir memiliki hak-hak berdaulat, antara lain, untuk menangkap ikan dan mengeksploit sumber-sumber hidup dan tidak hidup yang terdapat di zon ini.

Walaubagaimanapun, kawasan EEZ hanya membabitkan perairan tanpa melibatkan kawasan dasar laut. Kawasan dasar laut yang melangkaui 12 batu nautika sehingga 200 batu nautika disebut sebagai pelantar benua, yang seringkali kaya dengan mineral dan hasil petroleum. LOSC memberikan hak kedaulatan kepada negara pesisir untuk mengekstrak mineral di kawasan maritim ini.

Dalam keadaan tertentu, garis perbatasan yang melibatkan EEZ dan pelantar benua boleh berbeza di kawasan yang sama. Oleh itu, sesebuah negara pesisir boleh memiliki hak berdaulat untuk melombong mineral di kawasan dasar laut, tetapi tidak memiliki hak berdaulat bagi menjalankan aktiviti perikanan di perairan dalam kawasan yang sama, kerana EEZ di perairan tersebut adalah milik negara lain, seperti kes di Laut Timor di antara Indonesia dan Australia (Arsana, 2018).



Peta 1. Perairan milik negara di Semenanjung Malaysia (Sumber: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia)



Peta 2. Perairan milik negara di Sabah dan Sarawak (Sumber: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia)

Peta 1 dan Peta 2 menunjukkan kawasan perairan milik negara di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Namun bagi tujuan artikel ini, fokus diberikan kepada perairan negara di sekitar Selat Melaka dan Selat Singapura serta pantai timur Sabah.

Kawasan Maritim Tuntutan Malaysia di Selat Melaka dan Singapura

Sebelum kedatangan kuasa Barat, empayar-empayar serantau seperti Kerajaan Srivijaya, Majapahit dan Kesultanan Melaka menguasai Selat Melaka dan Singapura tanpa membahagikannya dengan kuasa-kuasa pemerintah yang lain. Sejarah penetapan perbatasan maritim di Selat Melaka dan Singapura hanya berlaku sejak dari zaman kedatangan British dan Belanda ke Dunia Melayu (George, 2008). Perjanjian perbatasan maritim terawal di Asia Tenggara boleh dilihat menerusi Perjanjian British-Belanda 1824 yang telah membahagikan Dunia Melayu kepada dua kawasan pengaruh – rantau Kepulauan Melayu di selatan Selat Singapura diletakkan di bawah pengaruh Belanda manakala Semenanjung Melayu ditempatkan dengan British (Perry, 1969). Walaubagaimanapun, tidak terdapat kawasan perbatasan maritim tetap kerana perjanjian tersebut hanya menetapkan sfera pengaruh kedua-dua kawasan penjajah di Dunia Melayu (Rusli, M. H. M. *et al.*, 2020).

Kawasan perbatasan milik negara di sebelah utara Tanah Melayu atau Semenanjung Malaysia telah ditetapkan oleh Perjanjian yang dibuat di antara Siam dan kerajaan British menerusi Perjanjian British-Siam 1909, atau Perjanjian Bangkok, persetujuan yang dibuat tanpa merujuk kepada pemerintah-pemerintah Melayu setempat (*Treaty between Great Britain and Siam 1909*, 1909). Perjanjian yang membolehkan pihak British menguasai 4 negeri-negeri Melayu utara iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu, adalah batu asas kepada sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand yang wujud pada hari ini (Rusli, M. H. M., 2016a). Garis perbatasan yang membelah Semenanjung Melayu ini merentang 314 batu dari Selat Melaka di Barat ke Teluk Siam di Timur.

Setelah kemerdekaan, Malaysia telah menandatangani perjanjian untuk menetapkan perbatasan di kawasan utara di Selat Melaka dengan Thailand pada tahun 1979 (Park, 1993d). Perjanjian ini telah memperkukuhkan lagi peruntukan persempadanan yang dipersetujui dalam Perjanjian 1909 yang mana garis lurus dilukis dari titik yang terletak di pertengahan selat di antara Pulau Tarutao, sebuah pulau dalam kepulauan Butang dan Pulau Langkawi, memisahkan wilayah laut kedua-dua negara (Park, 1993d).

Malaysia, Indonesia dan Thailand telah menetapkan sempadan dasar laut di utara Selat Melaka menerusi perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1971 dan berkuat kuasa pada 16 Julai 1973 (Prescott, 1993).

Memandangkan Selat Melaka dibatasi hampir keseluruhannya oleh Malaysia dan Indonesia, kedua-dua negara telah menandatangani perjanjian perbatasan wilayah laut pada 17 Mac 1970 (Park, 1993b). Persempadanan kawasan dasar laut di Selat Melaka telah dilakukan oleh kedua-dua negara pada tahun 1969 (Park, 1993a). Perjanjian-perjanjian sedia ada hanya menetapkan sempadan wilayah laut dan dasar laut milik kedua-dua negara. Pada ketika itu, EEZ belum wujud sebagai zon maritim kerana EEZ hanya wujud setelah termaktubnya LOSC pada tahun 1982.

Kawasan Pertikaian EEZ di Selat Melaka

Setakat ini, belum wujud perjanjian di antara Malaysia dan Indonesia berkenaan perbatasan EEZ di sebelah utara Selat Melaka. Malaysia menginginkan garis perbatasan pelantar benua diaplikasikan untuk perbatasan EEZ manakala Indonesia tidak mahukan garis yang sama diguna pakai (Angkasari *et al.*, 2020). Oleh kerana itu, perbincangan masih dilakukan terkait perkara ini mengenai perbatasan tetap EEZ di antara Malaysia dan Indonesia di Selat Melaka.



Peta 3. Zon Pertikaian EEZ di antara Malaysia dan Singapura di Selat Melaka (Diubahsuai dari Google Map)

Bermula tahun 2008 sehingga 2012, pihak berkuasa Malaysia dan Indonesia telah saling menahan nelayan-nelayan di kawasan pertikaian kerana dipercayai telah melakukan aktiviti penangkapan ikan secara haram. Memandangkan perbincangan mengenai perbatasan EEZ masih berlaku, pihak berkuasa Malaysia dan Indonesia telah bersetuju menerusi satu MOU yang ditandatangani pada Februari 2012 untuk tidak lagi menahan nelayan-nelayan dari negara masing-masing di kawasan pertikaian tersebut (Agusman & Nurbintoro, 2015).

Di bahagian selatan Selat Melaka, perjanjian terawal berkaitan sempadan maritim adalah melibatkan Selat Johor yang ditandatangani oleh kerajaan British dan Sultan Johor menerusi Perjanjian Wilayah Laut Negeri-negeri Selat dan Johor pada tahun 1927 (Vivian Louis Forbes & Basiron, 1998).

Di bawah perjanjian ini, semua pulau-pulau di Selat Johor diletakkan di bawah kedaulatan Singapura (Rusli, M. H. M., Sein, *et al.*, 2014). Setelah Johor menjadi sebahagian daripada negara Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka pada tahun 1957 dan penyingkiran Singapura daripada Persekutuan Malaysia pada tahun 1965, kedua-dua negara telah menandatangani sebuah lagi perjanjian berkaitan had wilayah laut di Selat Johor pada tahun 1995. Tujuannya adalah untuk menentukan dengan jelas sempadan wilayah laut Malaysia-Singapura seperti yang telah ditandatangani sebelum ini pada tahun 1927 (Rusli, M. H. M., 2019).

Sempadan maritim di Selat Singapura di antara Indonesia dan Singapura pula telah dimuktamadkan di antara kedua-dua negara pada tahun 1973 dan berkuat kuasa pada tahun 1974 (Park, 1993c). Jadual 1 menyenaraikan perjanjian-perjanjian persempadanan maritim di antara negara-negara litoral Selat Melaka dan Singapura:

Anggota	Jenis Sempadan	Tarikh Ditandatangani	Tarikh Berkuatkuasa	Kawasan Maritim
Indonesia-Malaysia	Pelantar Benua	27 Oktober 1969	7 November 1969	Selat Melaka dan Laut China Selatan
Indonesia-Malaysia	Wilayah Laut	17 Mac 1970	8 Oktober 1971	Selat Melaka
Indonesia-Singapura	Wilayah Laut	25 Mei 1973	29 Ogos 1974	Selat Singapura
Indonesia-Malaysia-Thailand	Pelantar Benua	21 Disember 1971	16 Julai 1973	Selat Melaka
Indonesia-Thailand	Pelantar Benua	17 Disember 1971	16 Julai 1973	Selat Melaka
Malaysia-Singapura	Wilayah Laut	7 Ogos 1995	7 Ogos 1995	Selat Johor
Indonesia-Singapura	Wilayah Laut	10 Mac 2009	31 Ogos 2010	Selat Singapura

Jadual 1. Senarai Perjanjian-perjanjian Sempadan Maritim Berkaitan Selat Melaka dan Singapura (Forbes & Basiron, 2010)

Singapura dan Indonesia masih belum lagi menetapkan sempadan maritim wilayah laut di antara kedua-dua negara di bahagian timur Selat Singapura menghala ke Laut China Selatan (Rusli, M. H. M., Sein, *et al.*, 2014). Di kawasan yang sama, Malaysia dan Singapura masih belum menetapkan sempadan maritim di perairan berdekatan Batu Puteh (Zhuo, 2020).

Pertikaian Batu Puteh

Pada tahun 2008, Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) telah membuat keputusan untuk menyerahkan kedaulatan ke atas Batu Puteh, atau *Pedra Branca* kepada Singapura (Beckman & Schofield, 2009). Walaubagaimanapun, Batuan Tengah atau *Middle Rocks*, batuan yang terletak kira-

kira satu kilometer dari Batu Puteh menjadi milik Malaysia (Rusli, M. H. M., 2018). ICJ bagaimanapun tidak membuat keputusan mengenai kedaulatan ke atas Tubir Selatan (*South Ledge*).

Setelah hampir 10 tahun kes Batu Puteh selesai, kebanyakan rakyat Malaysia mungkin telah melupakan kes ini dan kini lebih menumpukan perhatian kepada tuntutan China di Laut China Selatan (Rusli, M. H. M., 2020a). Oleh itu adalah penting untuk melihat semula implikasi keputusan ICJ ini terhadap senario perbatasan dan tuntutan maritim di kawasan paling selatan di Laut China Selatan ini.



Peta 4. Lokasi Tubir Selatan (*South Ledge*) di Laut China Selatan (Sumber: haguejusticeportal.net)

ICJ telah pun menamatkan pertikaian perebutan ke atas Batu Puteh di antara Malaysia dan Singapura, namun, terdapat banyak lagi pertikaian yang boleh lahir daripada keputusan ICJ ini, seperti berikut:

- (a) Negara manakah yang akan memiliki Tubir Selatan?
- (b) Bagaimanakah Malaysia dan Singapura menetapkan sempadan maritim di kawasan sempit di antara Batuan Tengah dan Batu Puteh?
- (c) Dengan pemilikan Batu Puteh, bolehkah Singapura menuntut EEZ dan pelantar benua di Laut China Selatan?
- (d) Adakah tuntutan wilayah perairan oleh Singapura ini boleh bertindih dengan wilayah perairan Malaysia dan Indonesia?

Persoalan-persoalan ini wajar dijawab dengan merujuk kepada kehendak Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-undang Laut Antarabangsa (LOSC). Malaysia dan Singapura adalah negara-negara anggota bagi LOSC.

Tubir Selatan

Pada tahun 2008, ICJ telah menetapkan Batu Putih di bawah kedaulatan Singapura manakala Batuan Tengah disahkan milik Malaysia (*Sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks and South Ledge (Malaysia/Singapore)*, 2008). Pihak ICJ tidak membuat keputusan jelas mengenai kedudukan Tubir Selatan, ciri maritim yang hanya muncul waktu air surut, kerana ianya terletak di kawasan perairan bertindih di antara tanah besar Semenanjung Malaysia, Batu Puteh dan Batuan Tengah .

Malaysia dan Singapura telah pun menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Bersama untuk menggariskan sempadan maritim di kawasan sekitar Batu Puteh dan Batuan Tengah serta menentukan hak kedaulatan ke atas Tubir Selatan (Zhuo, 2020).



Peta 5. Kedudukan South Ledge/Tubir Selatan di Laut China Selatan (Sumber: Channel News Asia)

Sebelum memiliki Batuan Tengah, Singapura tidak boleh membuat sebarang tuntutan wilayah perairan di kawasan Laut China Selatan kerana wilayah induk negara tersebut dibatasi wilayah Johor di kedua-dua sisi – daerah Pontian di Barat dan daerah Mersing di Timur. Di sebelah selatan menghadap Selat Singapura, negara tersebut bersempadanan dengan Pulau Batam dan Pulau Bintan, Indonesia.

Seperti yang termaktub di dalam Artikel 3 LOSC, mana-mana negara berdaulat layak mewujudkan wilayah perairannya sehingga 12 nautika batu (22 kilometer) dari garis dasar (*baseline*) wilayah daratnya. Setelah memiliki Batu Puteh secara sah pada tahun 2008, seperti Malaysia dan Indonesia, Singapura boleh menuntut hak perairan di kawasan tersebut.

Tubir Selatan kini dituntut oleh Singapura atau Malaysia (Rusli, M. H. M., Mohamad, *et al.*, 2014). Akan tetapi, disebabkan kedudukan Tubir Selatan yang lebih dekat dengan Batuan Tengah (seperti yang digambarkan dalam Figura 1 dan Figura 2), kemungkinan besar Malaysia mempunyai peluang yang lebih besar untuk memiliki Tubir Selatan. Namun begitu, sehingga sekarang, Malaysia dan Singapura masih belum lagi membuat sebarang penyelesaian mengenai perkara ini.

Sempadan Maritim Malaysia-Singapura

Jarak di antara Batuan Tengah dan Batu Puteh adalah lebih kurang 1 kilometer dari satu sama lain. Oleh kerana sesebuah negara boleh menuntut wilayah laut seluas 12 nautika batu, sudah pasti tuntutan wilayah di antara Malaysia dan Singapura boleh bertindih di kawasan ini.



Figura 1. Jarak di antara Malaysia dan Singapura di kawasan Batu Puteh (Rusli, M. H. M., 2014)

Sekiranya tuntutan seperti ini berlaku, adalah baik sekiranya kedua-dua negara dapat mencari formula untuk membahagikan wilayah perairan ini secara *equitable* atau saksama. Batu Puteh boleh dianggap sebagai sebuah batuan yang mana sebuah rumah api telah dibina di atasnya sejak tahun 1851 (Rusli, M. H. M., 2019). Secara dasarnya, Artikel 121 (1) LOSC menjelaskan bahawa sebuah pulau adalah daratan yang dikelilingi air yang tidak tenggelam sewaktu air pasang. Ia boleh mendukung kependudukan manusia serta menjana ekonomi dengan sendirinya. Contoh-contoh pulau yang wujud di Malaysia adalah seperti Pulau Langkawi, Pulau Pinang, Pulau Kukup, Pulau Tioman dan Pulau Payar.

Pulau-pulau ini adalah pulau dalam erti kata sebenar yang bukannya sekadar batuan di tengah laut. Menurut Artikel 121 (2), pulau-pulau boleh menjana bukan sahaja wilayah perairan, malah EEZ dan pelantar benua.



Figura 2. Batu Puteh dari Udara (Sumber: Straits Times)

Tidak seperti Langkawi, Tioman mahupun Payar, Batu Puteh (seperti yang digambarkan dalam Figura 3) dengan sendirinya hanyalah sekadar batuan yang mana tidak ada pohon boleh tumbuh di atasnya secara semula jadi. Tanpa Rumah Api Horsburgh yang dibina oleh British, Batu Puteh tidak layak didiami oleh manusia. Artikel 121 (3) LOSC secara jelas menerangkan bahawa batuan hanya boleh menjana wilayah perairan dan tidak boleh mempunyai EEZ atau pelantar benuanya sendiri. Dengan fakta-fakta ini, jelas bahawa Batu Puteh secara semula jadinya cuma batuan dan bukanlah sebuah pulau (Rusli, M. H. M., 2017). Oleh itu Singapura tidak boleh menuntut EEZ di Laut China Selatan.

Seperti yang dibincangkan di atas, Singapura kini boleh menuntut wilayah perairan sejauh 12 nautika batu dari Batu Puteh. Memandangkan Batu Puteh dikelilingi wilayah Malaysia (negeri Johor) dan Indonesia (provinsi Kepulauan Riau), Singapura tidak boleh sewenang-wenangnya menuntut wilayah perairan di kawasan tersebut tanpa perbincangan dengan kedua-dua jirannya ini.

Tuntutan wilayah perairan yang dibuat oleh Singapura mungkin akan bertindih dengan wilayah-wilayah jirannya. Oleh itu, ketiga-tiga negara harus berbincang bersama dan cuba menyelesaikan masalah perbatasan maritim ini secara aman dan saksama.

Malaysia dan Indonesia masih belum menyelesaikan perbatasan maritim di antara kedua-dua negara di Selat Singapura sementara menanti persempadanan maritim dituntaskan terlebih dahulu di antara Malaysia dan Singapura di kawasan perairan berdekatan Batu Puteh (Beckman & Schofield, 2009).

Masalah Perbatasan Maritim dan COVID-19

Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan dan diliputi hutan tebal menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan (Hunter, 2019). Oleh sebab itu, masalah penyeludupan, perdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan (New Straits Times, 2017).

Selain itu, Malaysia juga memiliki wilayah maritim yang luas membentang dari Selat Melaka ke Laut China Selatan ke arah Laut Sulu. Wilayah maritim Malaysia adalah lebih luas daripada wilayah daratnya, juga boleh menyebabkan kesukaran dalam mengurus dan mengawasinya (Andres, 2019). Masalah perbatasan maritim dan tuntutan wilayah dengan negara-negara terdekat seperti Singapura,

Indonesia serta Filipina yang masih belum diselesaikan sepenuhnya boleh memberikan kesan ke atas penguatkuasaan terutamanya apabila pintu-pintu sempadan negara ditutup rapi kini akibat penularan wabak COVID-19.

Setakat November 2020, Malaysia yang dahulunya sudah berjaya membendung gelombang kedua wabak COVID-19 sekarang bergelumbang dengan gelombang ketiga yang dipercayai berlaku akibat pilihanraya negeri (PRN) Sabah pada 26 September 2020 (M. F. Ibrahim *et al.*, 2020).

Permulaan pandemik COVID-19 di Malaysia mencatatkan lebih daripada 300 nyawa telah terkorban dengan lebih 10, 000 kes aktif dicatatkan pada 1 Disember 2020 (*Situasi Terkini 01 Disember 2020*, 2020). Bermula PKP Mac 2020, rakyat Malaysia tidak dibenarkan meninggalkan negara sepanjang tempoh PKP dan warga asing tidak dibenarkan masuk melainkan dengan sebab-sebab yang dibenarkan oleh pihak kerajaan (Hassan, 2020). Sempadan negara dikawal ketat untuk menghalang penyebaran wabak COVID-19 yang diimport ke dalam negara. Rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara diwajibkan untuk menjalani kuarantin mandatori di beberapa pusat kuarantin yang telah ditetapkan di seluruh negara (*Putrajaya to Abandon Home Quarantine from July 24, Reverts to Specialised Centres*, 2020).

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah telah berkali-kali menyebut sewaktu Sidang Medianya bahawa pihak kerajaan perlu menutup pintu-pintu sempadan bagi menghentikan penularan wabak dari luar ke dalam negara. Oleh itu, Malaysia perlu meningkatkan pengawasan bukan sahaja di pintu-pintu masuk tetapi juga di lorong-lorong tikus yang berlingkaran di perbatasan negara serta kawasan maritim negara.

Terdapat laporan bahawa PATI cuba memasuki Malaysia melalui jalan laut dari negara-negara yang sedang parah dilanda wabak COVID-19 (Taiming, 2020). Kebanyakan atau sesetengah dari PATI ini berkemungkinan adalah pembawa virus yang berisiko tinggi menyebarkan virus COVID-19 kepada penduduk tempatan (*COVID-19: Kluster Baru Libatkan Pati Di Sabah*, 2020). Malah, gelombang ketiga COVID-19 yang bermula di Sabah memang dicituskan oleh PATI yang terlepas daripada tahanan (*14 Pati Lari Dari Pusat Tahanan Sementara Tawau*, 2020).

Persoalannya sekarang, bagaimana mungkin penguatkuasaan penutupan sempadan boleh dilakukan dengan baik sekiranya sempadan maritim negara masih lagi tidak ditetapkan dengan muktamad dengan negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia serta Filipina? Sebagai contoh, kawasan maritim di sekitar Batu Puteh dan Batuan Tengah belum dituntaskan dengan jelas milik negara mana, sama ada Malaysia, Indonesia ataupun Singapura. Sejak Batu Puteh diputuskan menjadi milik Singapura dan Batuan Tengah milik Malaysia pada tahun 2008, perbincangan mengenai persempadanan maritim di kawasan ini masih berterusan sehinggalah ke hari ini. Indonesia masih menunggu Malaysia dan Singapura untuk menyelesaikan pertikaian ini sebelum menetapkan sempadan maritim mereka di kawasan itu. Di kawasan pertikaian ini, bagaimanakah Malaysia, Indonesia dan Singapura menentukan wilayah lautnya atau zon berdampingan bagi mengambil tindakan ke atas sebarang aktiviti pencerobohan?

Pembongkaran kes penyeludupan PATI menerusi jalan laut persisiran pantai timur Johor pada Jun 2020 menunjukkan PATI masih di bawa masuk walaupun pintu sempadan negara ditutup rapat sejak Mac 2020 (Noh, 2020). Ini adalah salah satu daripada banyak lagi sindiket lain yang mungkin belum ditumpaskan. Menurut laporan oleh Sinar Harian, kebanyakan PATI yang ditahan adalah dari Indonesia (Ishak, 2020).

Malah, menurut laporan Berita Harian pada Jun 2019, terdapat 12 kawasan panas pendaratan PATI di pantai timur Johor dengan lapan kawasan menghadap Laut China Selatan iaitu Tanjung Leman, Sedili Besar, Sedili Kechil, Tanjung Balau, Tanjung Lompat, Desaru, Tanjung Punggai dan Tanjung Ayam (Tuah, 2019). Kesemua lokasi ini tidak jauh dari kawasan Batu Puteh yang sempadan maritimnya belum ditetapkan secara jelas di antara Malaysia, Indonesia dan Singapura. Oleh itu adalah penting bagi negara-negara yang memiliki masalah perbatasan maritim untuk menentukan sempadan perairan ditetapkan dengan jelas di antara negara-negara yang terlibat.

Masalah yang lebih kurang sama juga berlaku di Sabah terutamanya di persisiran pantai timurnya. Penduduk-penduduk tempatan di kawasan ini mempunyai pertalian persaudaraan yang rapat dengan rakyat Filipina berasal dari Kepulauan Sulu di Filipina, kerana secara sejarahnya wilayah ini pernah menjadi sebahagian daripada pemerintahan yang sama dan dipisahkan akibat penjajahan Barat (Rusli, M. H. M., 2020b). Ini berkemungkinan boleh menyebabkan kesulitan bagi pihak penguatkuasaan untuk membuat pengawasan terutamanya rakyat tempatan, rakyat asing atau PATI yang menyeberang sempadan antarabangsa di antara Malaysia dan Filipina di kawasan tersebut.

Bagaimana mungkin kerjasama pengawalan sempadan secara efektif boleh dijalankan di antara kedua-dua negara sekiranya Filipina masih lagi mempunyai tuntutan ke atas Sabah sehingga ke hari ini?

Kesimpulan

Wabak Covid-19 telah menyebabkan banyak negara di seluruh dunia menutup pintu sempadan mereka, termasuk Malaysia. Penguatkuasaan yang lebih menyeluruh juga telah dilakukan di kawasan-kawasan perbatasan bagi mengekang kemasukan PATI yang berisiko tinggi menyebabkan penularan COVID-19 yang lebih parah dalam negara.

Namun, dalam sesetengah kes, Malaysia masih lagi mempunyai masalah pertikaian sempadan dan tuntutan wilayah yang belum berkesudahan dengan negara-negara jirannya. Isu ini penting untuk diselesaikan bagi membantu mengekang penularan COVID-19 yang boleh dibawa masuk akibat daripada ketiadaan sempadan maritim yang jelas yang mungkin boleh menyulitkan penguatkuasaan.

Oleh itu, isu ini perlu diselesaikan dengan cara baik oleh negara-negara yang terlibat bagi memastikan Singapura, Malaysia, Indonesia serta Filipina memiliki wilayah perairan yang utuh persempadannya, terutamanya sewaktu wabak COVID-19 sedang mengganas. Malaysia perlu bekerja keras dengan jiran-jirannya bagi mencapai objektif ini – benarlah kata orang – pagar yang baik membentuk tetangga yang rukun (*good fences make good neighbours*).

Di sebalik masalah perbatasan maritim dengan negara-negara jiran, Malaysia juga seharusnya terus bekerjasama dengan pihak penguatkuasaan terutamanya dari Singapura, Indonesia serta Filipina bagi mengekang kemasukan PATI ke dalam negara. Tanpa penguatkuasaan yang efektif, kewujudan sempadan maritim yang jelas pun tidak akan mampu untuk mengekang penyeludupan PATI yang menyebabkan keutuhan wilayah negara terus berkompromi dengan pengawalan sempadan yang poros. Ini sudah tentu akan merugikan negara dalam pelbagai segi, terutamanya dalam perang melawan COVID-19.

Rujukan

- 14 *Pati lari dari pusat tahanan sementara Tawau*. (2020). Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/545978>
- Agusman, D. D., & Nurbintoro, G. (2015). The Single Line Maritime Boundaries of Malaysia and Indonesia in the Malacca Strait. *Australian Journal of Maritime and Ocean Affairs*, 1–5. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1080/18366503.2015.1094867>
- Alyasa, J. (2020). *Covid-19: Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara bermula 18 Mac*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/74100/KHAS/Koronavirus/Covid-19-Perintah-Kawalan-Pergerakan-di-seluruh-negara-bermula-18-Mac>
- Andres, L. (2019). *PM: Malaysian maritime enforcement a fragmented affair; needs more coordination*. New Straits Times. <https://www.nst.com.my/news/nation/2019/03/473325/pm-malaysian-maritime-enforcement-fragmented-affair-needs-more>
- Angkasari, W., Abdullah, K. bin, Rahim, A. binti A., & Ahmad, M. Z. bin. (2020). Indonesia-Malaysia Dispute Over Maritime Boundaries in the Northern Region of the Malacca Straits: Implications to Fisheries Management Regime. *Journal of Critical Reviews*, 7(3), 593–598. <http://www.jcreview.com/fulltext/197-1584180802.pdf>
- Arsana, I. M. A. (2018). *Renegotiating the Indonesia-Australia Maritime Boundary Agreement?*

- Australian Institute of International Affairs.
<https://www.internationalaffairs.org.au/australianoutlook/renegotiating-the-indonesia-australia-maritime-boundary-agreement/>
- Beckman, R., & Schofield, C. (2009). Moving Beyond Disputes Over Island Sovereignty: ICJ Decision Sets Stage for Maritime Boundary Delimitation in the Singapore Strait. *Ocean and Coastal Management*, 40(1), 1–35.
- Border security act comes into force. (2017). New Straits Times.
<https://www.nst.com.my/opinion/leaders/2017/12/319733/border-security-act-comes-force>
- Covid-19: Kluster baru melibatkan Pati di Sabah. (2020). Malaysiakini.
<https://www.malaysiakini.com/news/542368>
- Filipina buka semula jabatan menuntut Sabah. (2020). Berita Harian.
<https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2020/09/726842/filipina-buka-semula-jabatan-menuntut-sabah>
- Forbes, Vivian L., & Basiron, M. N. (2010). Unresolved Maritime Boundaries and Implications for Maritime Security in Southeast Asia. *MIMA Bulletin*, 17(1), 9.
- Forbes, Vivian Louis, & Basiron, M. N. (Eds.). (1998). Agreement Between the Government of Malaysia and the Government of the Republic of Singapore Delimit Precisely the Territorial Waters Boundary in Accordance with the Straits Settlements and Johore Territorial Waters Agreement 1927. In *Malaysia's Maritime Space: An Analytical Atlas of the Environments and Resources*.
- George, M. (2008). Incorporation of Environmental Law Principles in the Boundary Treaties of the Straits of Malacca and Singapore. In F. Voo (Ed.), *Legal Regime of the Straits of Malacca and Singapore* (pp. 585–592). LexisNexis.
- Hassan, H. (2020). *Coronavirus: Malaysia extends movement curbs by two weeks to May 12le*. Straits Times. <https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/coronavirus-malaysia-pm-muhyiddin-says-to-extend-movement-curbs-by-two-weeks-to-may-12>
- Hunter, M. (2019). *Malaysia's Border Problems*. Asia Sentinel.
<https://www.asiasentinel.com/p/malaysia-border-problems>
- Ibrahim, M. F., Nawai, M. H., & Bahaudin, N. H. (2020). *Covid-19: PRN Sabah sumbang penularan gelombang ketiga*. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/10/632093/covid-19-prn-sabah-sumbang-penularan-gelombang-ketiga-metrotv>
- Ibrahim, M. I., & Adnan, A. S. (2020). *Kerajaan tidak terburu-buru buka sempadan*. Berita Harian.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/731790/kerajaan-tidak-terburu-buru-buka-sempadan>
- Ishak, Z. (2020). *Lumayan! RM750 untuk seorang PATI diseludup masuk ke negara ini*. Sinar Harian.
<https://www.sinarharian.com.my/article/85871/BERITA/Jenayah/Lumayan!-RM750-untuk-seorang-PATI-diseludup-masuk-ke-negara-ini>
- Kekal! Malaysia tetap tutup pintu sempadan kepada warga asing demi membendung penularan Covid-19*. (2020). MStar Online. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/11/04/kekal-malaysia-tetap-tutup-pintu-sempadan-kepada-warga-asing-demi-membendung-penularan-covid-19>
- Malaysia turns back Rohingya boat over coronavirus fears*. (2020). Channel News Asia.
<https://www.channelnewsasia.com/news/asia/malaysia-turns-back-rohingya-boat-over-coronavirus-fears-12652568>
- Noh, M. F. (2020). *Untung RM60 juta seludup 43,000 PATI di Johor*. Berita Harian.
<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/06/697838/untung-rm60-juta-seludup-43000-pati-di-johor>
- Park, C.-H. (1993a). Indonesia-Malaysia (Continental Shelf). In J. I. Charney & L. M. Alexander (Eds.), *International Maritime Boundaries: The American Society of International Law* (pp. 1019–1028). Martinus Nijhoff.
- Park, C.-H. (1993b). Indonesia-Malaysia (Territorial Sea). In J. I. Charney & L. M. Alexander (Eds.), *International Maritime Boundaries: The American Society of International Law* (pp. 1029–1038).
- Park, C.-H. (1993c). Indonesia-Singapore. In J. I. Charney & L. M. Alexander (Eds.), *International Maritime Boundaries: The American Society of International Law* (pp. 1049–1056). Martinus Nijhoff.
- Park, C.-H. (1993d). Treaty Between Kingdom of Thailand and Malaysia Relating to the Delimitation of the Territorial Sea of the Two Countries. In J. I. Charney & L. M. Alexander (Eds.), *Malaysia-*

- Thailand (Territorial Sea)* (1st ed., pp. 1096–1098). Martinus Nijhoff.
- Perry, C. (Ed.). (1969). Treaty of Commerce and Exchange Between Great Britain and the Netherlands, signed at London, 17 March 1824. In *The Consolidated Treaty Series* (pp. 88–108). Oceana.
- Prescott, J. R. V. (1993). Agreement Between the Governments of the Republic of Indonesia, the Government of Malaysia and the Government of the Kingdom of Thailand Relating to the Delimitation of the Continental Shelf Boundaries in the Northern Part of the Strait of Malacca. In J. I. Charney & L. M. Alexander (Eds.), *International Maritime Boundaries: The American Society of International Law* (pp. 1452–1454). Martinus Nijhoff.
- Putrajaya to abandon home quarantine from July 24, reverts to specialised centres.* (2020). Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/535396>
- Rusli, H., Dremljuga, R., & Talaat, W. (2020). The Anglo-Dutch Treaty 1824: Was the Partitioning of the Malay World Valid? *Journal of East Asia and International Law*, XIII(1).
- Rusli, M. H. bin M. (2019). *Island-Building in the Singapore Strait: Is it Necessary?* Asia Sentinel. <https://www.asiasentinel.com/p/island-building-singapore-strait-necessary>
- Rusli, M. H. bin M., Mohamad, R., & Bautista, L. (2014). Should Malaysia Reopen Batu Puteh. *Journal of International Relations and Foreign Policy*, 2(3/4), 43–49.
- Rusli, M. H. bin M., Sein, A. G. H. K. M., Wan Talaat, W. I. A. B., & Mustafa, M. B. (2014). Erecting Malaysia's Maritime Fence over the Straits of Malacca and Singapore. *AALCO Journal of International Law*, 3(1), 111–120.
- Rusli, M. H. M. (2016a). *Anglo-Siamese Treaty 1909: What Malaysians Need to Know.* Astro Awani. <http://english.astroawani.com/malaysia-news/anglo-siamese-treaty-1909-what-malaysians-need-know-113678>
- Rusli, M. H. M. (2016b). *Should Malaysia be concerned with the Philippines' latest claim on Sabah?* Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/should-malaysia-be-concerned-with-the-philippines-latest-claim-on-sabah-106603>
- Rusli, M. H. M. (2017). *The Isle of Pedra Branca: Has the ICJ opened a Pandora's Box?* The Malay Mail Online. <https://www.malaymail.com/news/what-you-think/2017/07/13/the-isle-of-pedra-branca-has-the-icj-opened-a-pandoras-box-mohd-hazmi-mohd/1419699>
- Rusli, M. H. M. (2018). *Interpretasi Penghakiman Batu Puteh: Laut China Selatan Mungkin Jadi Wilayah Singapura?* Astro Awani.
- Rusli, M. H. M. (2019). *Selat Johor Milik Siapa?* Astro Awani. <http://www.astroawani.com/berita-dunia/selat-johor-milik-siapa-198180>
- Rusli, M. H. M. (2020a). *All Must Abide by UNCLOS in South China Sea.* New Straits Times. <https://www.nst.com.my/opinion/letters/2020/07/612388/all-must-abide-unclos-south-china-sea>
- Rusli, M. H. M. (2020b). *COVID-19: Benarkah sempadan negara poros?* Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-benarkah-sempadan-negara-poros-238306>
- Rusli, M. H. M. (2020c). *Tuntutan Filipina ke atas Sabah tidak munasabah: Ini sebabnya..* Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/tuntutan-filipina-ke-atas-sabah-tidak-munasabah-ini-sebabnya-260171>
- Rusli, M. H. M. (2020d). *Tuntutan Filipina Tidak Munasabah.* Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/rencana/2020/10/tuntutan-filipina-tidak-munasabah/>
- Sinatra, M. (2020). *Covid-19: Is Indonesia a time bomb?* The Malay Mail Online. <https://www.malaymail.com/news/what-you-think/2020/04/18/covid-19-is-indonesia-a-time-bomb-muhammad-sinatra/1857860>
- Situasi Terkini 01 Disember 2020.* (2020). Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://covid-19.moh.gov.my/terkini/122020/situasi-terkini-01-disember-2020>
- Sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks and South Ledge (Malaysia/Singapore).* (2008). International Court of Justice. <https://www.icj-cij.org/en/case/130>
- Taiming, A. R. (2020). *24 Warga Indonesia Ditahan.* Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/11/757631/24-warga-indonesia-ditahan>
- Treaty between Great Britain and Siam 1909. (1909). *American Journal of International Law*, 3(4), 297–304.
- Tuah, I. T. (2019). 12 Lokasi Baharu Pendaratan PATI di Pantai Timur Johor. *Berita Harian*.
- Wu, Y.-C., Chen, C.-S., & Chan, Y.-J. (2020). The Outbreak of Covid-19: An Overview. *Journal of the Chinese Medical Association*, 83(3). https://journals.lww.com/jcma/fulltext/2020/03000/the_outbreak_of_covid_19__an_overview.3

aspx

Zain, H. (2020). *Malaysia perlu kerjasama Thailand sekatan pelarian Rohingya*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/529781>

Zhuo, T. (2020). *Singapore, KL to begin talks on borders around Pedra Branca*. The Straits Times. <https://www.straitstimes.com/singapore/singapore-kl-to-begin-talks-on-borders-around-pedra-branca>

Zoey, L. (2020). *Malaysia's COVID-19 cases top 65,000 after four consecutive days of four-digit increases*. Channel News Asia. <https://www.channelnewsasia.com/news/asia/covid-19-malaysia-cases-top-65000-4-digit-increase-coronavirus-13669928>